

2.0 PENGENALAN

Bagi menjalankan fungsi-fungsi yang dinyatakan dalam Perkarra 7(a) dan 7(k), Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institut-institut Pendidikan Guru) 2010. Senat hendaklah mempunyai fungsi berikut :

7 (a) *merumuskan dasar, dan mengawal dan memberi arahan am yang berhubung dengan pentaksiran dan peperiksaan yang dikendalikan di Institut dan institut pendidikan guru;*

7 (k) *menganugerahkan sijil, diploma atau ijazah perguruan untuk mengiktiraf seorang murid pendidikan guru yang berjaya menamatkan kursus pengajian atau program latihan dengan memenuhi semua syarat yang ditentukan oleh Senat;*

Bagi tujuan pemakaiannya, dokumen ini dibaca bersama dengan dokumen lain untuk tujuan keselarasan. Dokumen tersebut ialah :

1. Peraturan-peraturan Pendidikan Guru
2. Akta 174 - Akta Institusi-Institusi Pelajaran Tatarerib Pindaan 2012
3. Dokumen Perijajian Pendidikan Guru yang berkenaan
4. Surat Tawaran Mengikuti Program/Kursus

2.1 NAMA DOKUMEN

Dokumen ini dinamakan Panduan dan Syarat Penganugerahan Sijil / Diploma / Ijazah Institut Pendidikan Guru (IPG). Dokumen ini terpakai bagi semua PELAJAR yang sedang mengikuti pengajian di Institut-Institut Pendidikan Guru.

2.2 TARIKH KUAT KUASA

Dokumen ini dikuatkuasakan pada 01 Januari 2013.

2.3 HAK DAN TANGGUNGJAWAB

Setiap IPG adalah bertanggungjawab memberi penerangan dan panduan mengenai syarat-syarat penganugerahan ini kepada pelajar tertakluk kepada bidang kuasa masing-masing dan peraturan-peraturan yang diluluskan oleh SENAT IPG dari semasa ke semasa.

3.0 SYARAT- SYARAT AM

3.1 SYARAT KELAYAKAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN

3.1.1 Jika seseorang pelajar dikehendaki menghadiri sesuatu kuliah, tutorial, kelas atau pengajaran lain berhubung dengan kursus pengajiannya, ia hendaklah mengahdirinya melainkan jika ia mendapat kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada Pengarah.

3.1.2 Kelayakan asas menduduki peperiksaan dipertimbangkan berdasarkan kepada syarat-syarat yang berikut :

- (a) Berdaftar dengan IPG Kementerian Pendidikan Malaysia;
- (b) Telah menghadiri 100% dalam kuliah, tutorial, kelas, praktikum, aktiviti kokurikulum dan aktiviti pembelajaran yang lain berhubung dengan kursus pengajiannya atau apa-apa aktiviti yang diadualkan oleh pihak IPG;